

B553
MAHATHIR-BRITAIN
(1)

OLEH BERNARD LIM

1981

KUALA LUMPUR, 26 OKT. (BERNAMA) — PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KEPUTUSAN YANG DIBUAT KE ATAS BARANG-BARANG DAN PERKHIDMATAN BRITISH AKAN KEKAL KECUALI ADANYA FAKTOR-FAKTOR KELONGGARAN KUAT YANG DIWUJUDKAN OLEH BRITAIN.

DALAM SATU TEMURAMAH SEMPENA 100 HARI BELIAU MEMEGANG JAWATAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEJAUH YANG BELIAU NAMPAK KEPUTUSAN ITU AKAN KEKAL UNTUK MASA YANG LAMA KERANA BELIAU TIDAK DIKIR SEBARANG KELONGGARAN OLEH PIHAK BRITISH.

KERAJAAN BARU-BARU INI MENGELUARKAN ARAHAN MEMERLUKAN SEMUA TAWARAN KONTRAK KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT BRITISH DIRUJUKKAN KEPADA JABATAN PERDANA MENTERI BERSAMA SENARAI SYARIKAT PILIHAN DARI NEGARA-NEGARA LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA SEBAB BAGINYA UNTUK DISALAHERTIKAN.

KATANYA: +SAYA BEGITU JELAS TENTANG SIKAP KAMI TERHADAP BRITAIN. KITA BUKAN MENJALANKAN PEMULAUAN BARANG-BARANG BRITISH KESELURUHANNYA.+ — BERSAMBUNG 1750/SZ

33

B554
MAHATHIR-BRITAIN 2 KUALA LUMPUR

+APA YANG KITA PERKATAKAN JALAH KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBELI BARANG-BARANG BRITISH JIKA ADA PILIHAN LAIN. TETAPI KITA AKAN MEMBELI JIKA TIDAK ADA PILIHAN.+

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENJELASKAN SYARIKAT-SYARIKAT BRITISH YANG TELAH MELABUR MODAL DI MALAYSIA DAN SEKARANG MENGELUARKAN BARANG-BARANG TIDAK TERTAKLUK KEPADA PERATURAN.

+KITA AKAN MEMBELI KERANA BARANG-BARANG ITU DIKELUARKAN DI NEGARA INI DAN MERUPAKAN BARANGAN BUATAN MALAYSIA,+ KATANYA. PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN MASIH MENGGALAKKAN PELABURAN ASING DAN MENGALU-ALUKAN BRITISH KIRANYA MEREKA MAHU MELABUR DI NEGARA INI.

BELIAU MENERANGKAN BRITAIN LEBIH BERGANTUNG KEPADA MALAYSIA DAN BUKAN SEBALIKNYA KERANA NEGARA INI ADA SUMBER-SUMBER PILIHAN YANG LAIN BAGI MEMBELI KERETA-KERETA DAN ALAT-ALAT KETENTERAAN.
— BERSAMBUNG 1753/SZ

34

B555

MAHATHIR-BRITAIN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN JIKA MALAYSIA MENGIMPORT KURANG DARI BRITAIN, IMBANGAN BAYARAN AKAN MENGUNTINGKAN NEGARA INI.

KATANYA TIDAK ADA SEBAB BAGI MALAYSIA MEMBERI LAYANAN ISTIMEWA UNTUK BARANG-BARANG BRITAIN KERANA NEGARA ITU YANG MENJADI MASYARAKAT EROPAH TIDAK LAGI MEMBERI LAYANAN KEISTIMEWAAN KHAS KEPADA BARANG-BARANG MALAYSIA.

KATANYA WALAUPUN PELABURAN BRITISH DI MALAYSIA ADALAH YANG KETIGA BESAR TETAPI IA SEBENARNYA MERUPAKAN PELABURAN YANG DIBUAT LAMA

DULU. SEBENARNYA, SEJAK BEBERAPA TAHUN LALU, PELABURAN BRITISH DI MALAYSIA TELAH TURUN BERBANDING DENGAN PELABURAN AMERIKA, JEPUN ATAU SINGAPURA.

DITANYA MENENTU KEBANYAKAN KEPENTINGAN-KEPENTINGAN AGING TANAMA DAN YANG DILAKUKAN OLEH PENTABDIAN BARU AKAN MENGGAGAT KESEKUTUAN PARA PELABUR MASING RESELURUHANNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEPENTINGAN-AGING TIDAK KEBANYAKAN KEPENTINGAN BRITISH. ITULAH YANG MEREKA KATAKAN SELAMA INI. + -- BERSAMBUNG 1755/SZ

MAHATHIR-BRITAIN 7 KUALA LUMPUR

MENYEBUT DUNLOP SEBAGAI CONTOH, BELIAU BERKATA SYARIKAT ITU TIDAK MEMBAYAR SEBARANG DIVIDEN KERANA IA MENGALAMI KERUGIAN TETAPI PIHAK PENGURUSAN TETAP MAHU KEKAL DALAM SYARIKAT ITU.

MALAH, PENGURUSAN TELAH MENGGESA SUPAYA TIDAK BERLAKU SEBARANG PENGAMBILALIHAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA PENGUASAAN 51 PERATUS DIMILIKI OLEH SEBARANG PIHAK, ORANG YANG TENTU KELUAR TIDAK PARA PENGURUS.

DITANYA SAMA ADA INI BERERTI PENGURUSAN GUTHRIE AKAN DIGANTIKAN KERANA SEKARANG PNE MEMILIKI SAHAM MAJORITI, BELIAU BERKATA PERKARA ITU TIDAK SEMESTINYA BERLAKU.

+KITA AKAN MENGEKALKAN MEREKA YANG CEKAP TETAPI TIDAK MEREKA YANG KITA FIKIRKAN BERTINDAK MENJEJASKAN SYARIKAT DAN KITA. +

MISALNYA, KATANYA, MEREKA YANG TERLIBAT DALAM PERBUATAN SENGAJA MENGELUARKAN PELABURAN DAN PERGI KE TEMPAT LAIN DAN TERLIBAT DALAM SYARIKAT-SYARIKAT YANG MEMPUNYAI LATAR BELAKANG YANG DIRAGUI, JUGA TIDAK D DAPAT DIKEKALKAN. -- BERSAMBUNG 1610/SZ

B560

MAHATHIR-BRITAIN 8 KUALA LUMPUR

MENJAWAB SATU SOALAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APABILA NEGARA MENGUASAI SESEBUAH SYARIKAT, IA INGINLAH MEMBAWA BALIK SYARIKAT ITU KE NEGARA INI.

BAGAIMANAPUN INI TIDAK BERERTI IA AKAN BERHENTI DARIPADA MELABUR DI NEGARA-NEGARA LAIN.

KEUTAMAAN TIDAK MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBER NEGARA INI UNTUK MERANGSANG PERTUMBUHAN DI MALAYSIA SENDIRI, KATANYA.

+CARA YANG PALING BAIK UNTUK BERBUAT DEMIKIAN TIDAK DENGAN SYARIKAT ITU BERIBUPEJABAT DI SINI. + TAMBAHNYA.

34

35

DITANYA SAMA ADA MALAYSIA AKAN TERUS MEMPEROLEHI HARTA-HARTA YANG ADA PADA TANGAN ASING, PERDANA MENTERI BERKATA +SELAGI TERDAPAT HARTA-HARTA YANG KITA BOLEH BELI KITA AKAN BELI TETAPI AKAN TIBA MASANYA APABILA KESEMUA HARTA ASING TELAH DIBAWA BALIK DAN KITA MASIH MEMPUNYAI WANG LAGI.+

+MALAH, KITA JUGA BOLEH BELI SYARIKAT-SYARIKAT ASING YANG BEROPERASI DI SINI. SAYA TELAH MENJELASKAN BARU-BARU INI HAKIKAT BAHAWA SESEORANG YANG MELABUR DI NEGARA INI DAN MEMPUNYAI HAK MILIK 100 PERATUS TIDAK BERERTI KITA TIDAK BOLEH MEMBELI SYARIKAT ASING ITU,+ KATANYA. — BERSAMBUNG 1815/SZ.

B561

MAHATHIR-BRITAIN 9 KUALA LUMPUR

+JIKA SYARIKAT-SYARIKAT ITU DITAWARKAN KITA AKAN BELI. LAGI PUN, ORANG-ORANG ARAB DAN KEBANYAKAN ORANG LAIN SEDANG MEMBELI.+

+PADA SATU MASA LALU, ORANG-ORANG JEPUN MEMBELI SYARIKAT-SYARIKAT BRITISH DAN AMERIKA, JADI KENAPA MALAYSIA TIDAK BOLEH BERTINDAK SEPERTI ORANG LAIN?+

— BERNAMA 1817/SZ

B556

MAHATHIR-BRITAIN 4 KUALA LUMPUR

+HARUS DIINGAT PENDAPAT-PENDAPAT INI PERTAMA KALI DITIMBULKAN SEMASA MASALAH SIME DARBY IAITU LAMA SEBELUM PEMBELIAN SAHAM SECARA MENGEJUT DI PASARAN SAHAM LONDON BERLAKU.

+KETIKA ITU KITA MEMBELI SAHAM DI PASARAN TERBUKA, KITA MEMATHUI PERATURAN-PERATURAN KETIKA ITU.+

KATANYA TUN TAN SIEW SIN (PENGERUSI SIME DARBY) TELAH MEMBUAT KENYATAAN JELAS BELIAU MAHU MEMBELI GUTHRIE CORPORATION.

+ITU PERKARA LAMA, DAN KITA TELAH PUN DITUDUH MEMILIKNEGARAKAN SECARA PINTU BELAKANG WALAUPUN KITA MEMBELI APA YANG DIJUAL DI PASARAN TERBUKA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA +JIKA MEREKA KATA KITA TIDAK BOLEH MEMBELI JANGANLAH JUAL KEPADA SESIAPA, TETAPI JIKA IA UNTUK DIJUAL KEPADA SEMUA ORANG YANG MEMPUNYAI WANG MAKA KITA BELILAH.

— BERSAMBUNG 1800/SZ

MAHATHIR-BRITAIN 5 KUALA LUMPUR

+KITA TIDAK MEMAKSA SESIAPA. MENGAPA IA DIGELAR PEMILIKAN NEGARA? HANYA BRITAIN SAHAJA YANG MENGATAKAN DEMIKIAN. KITA TIDAK MELAKUKAN APA-APA TERHADAP SESIAPA.+

DITANYA SAMA ADA BELIAU BIMBANG LANGKAH KERAJAAN AKAN MENJEJASKAN PERASAAN PARA PELABUR ASING YANG LAIN, BELIAU BERKATA SEMASA BELIAU MENJADI MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN PADA TAHUN 1978 LANGSUNG TIDAK ADA PELABURAN DI NEGARA INI DISEBABKAN AKTA PENYELARASAN PERUSAHAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MENJELASKAN MENGENAI DASAR ITU SEBENARNYA DAN SELEPAS PENJELASAN TERSEBUT KERAJAAN TERPAKSA MEMBUAT PILIHAN.

KATANYA +SAYA TIDAK GENTAR KERANA IA TIDAK MERUPAKAN PEMILIKAN NEGARA. MASALAH KUASA BEKAS PENJAJAH IALAH APABILA KITA MEMILIK-NEGARAKAN SESUATU MEREKA BERKATA MEREKA TIDAK MEMBANTAH SELAGI KITA MEMBAYAR PAMPASAN.

+APABILA KITA MENGAMBILALIH SESEBUAH SYARIKAT DAN MEMBAYAR PEMPASAN MEREKA PULA AKAN BERKATA MEREKA TIDAK MEMBANTAH SELAGI ITA TIDAK MENGAMBIL SYARIKAT TERSEBUT+.

— BERSAMBUNG 1805/SZ

B558

MAHATHIR-BRITAIN 6 KUALA LUMPUR

+APABILA KITA MEMBELI SAHAM DI PASARAN, MEREKA TIDAK MEMBANTAH SELAGI HARGANYA BERPATUTAN, TETAPI APABILA KITA MEMBAYAR HARGA YANG LEBIH TINGGI, MEREKA RASA TIDAK PUAS HATI.+

MENGENAI PENGAMBILALIHAN GUTHRIE CORPORATION, BELIAU BERKATA LEBIH 900 PENCE DIBAYAR KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM YANG MERASA GEMBIRA.

KATANYA WALAUPUN UNDANG-UNDANG IALAH UNTUK MELINDUNGI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM TERUTAMA PEMEGANG MINORITI TETAPI APA YANG MEREKA MAHU IALAH UNTUK MELINDUNGI HAK-HAK DAN KEISTIMEWAAN PENGURUSAN.

+PIHAK PENGURUSAN MAHU KEKAL DENGAN KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN DAN PENDAPATAN TINGGI YANG MEREKA MENIKMATI. MEREKA TIDAK PEDULI PEMEGANG SAHAM MINORITI YANG MENDAPAT KEUNTUNGAN KECIL SAHAJA.+

— BERSAMBUNG 1807/SZ

35